



Berita-berita ringkas Dewan Rakyat: 16 Dis

KUOTA PENYELIA KAFA DITAMBAH TAHUN DEPAN - IDRIS

KUALA LUMPUR, 16 Dis -- Kerajaan akan menambah kuota penyelia program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bermula tahun depan selain melantik 383 penyelia secara kontrak ke jawatan tetap.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Idris Ahmad berkata ini selaras dengan unjuran pertambahan guru KAFA secara berfasa pada 2022 hingga 2026.

Selain itu beliau berkata kerajaan juga sedang menyediakan hala tuju KAFA bertujuan memperkasa program sedia ada termasuk menambah baik aspek perkhidmatan penyelia KAFA dengan menumpukan kepada elemen peningkatan profesionalisme dan jaminan kebajikan.

"Bagi merealisasikan kesungguhan kerajaan terhadap usaha itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah menjalankan sesi runding dengan agensi-agensi Persekutuan berkaitan bagi mencari kaedah terbaik berhubung pelantikan penyelia KAFA ke jawatan tetap," katanya ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) mengenai langkah dilaksanakan kerajaan bagi menambah baik skim perjawatan penyelia KAFA untuk diserap ke jawatan tetap perkhidmatan awam.

-- BERNAMA

NADMA TERIMA RM350 JUTA PERUNTUKAN BERKAITAN COVID-19 TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menerima RM350 juta peruntukan bagi tujuan pengoperasian berkaitan COVID-19 bagi tahun ini, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) Datuk Mastura Mohd Yazid.

Beliau berkata daripada jumlah itu RM207.6 juta dibelanjakan bagi pengoperasian menghadapi COVID-19, antaranya meliputi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), hospital medan dan stesen kuarantin sehingga 31 Okt lepas.

"Memandangkan kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang COVID-19, maka penggunaan tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) difokuskan kepada pengurusan lain-lain bencana seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya," katanya menjawab soalan Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh (BN-Sabak Bernam) berkenaan penggunaan KWABBN.

Beliau berkata bagi musim tengkujuh kali ini, NADMA menyalurkan peruntukan pengoperasian bencana berjumlah RM9.5 juta pada November lepas bagi membantu kerajaan negeri dan agensi-agensi tindak balas dalam operasi menyelamatkan mangsa sepanjang musim tengkujuh.

-- BERNAMA

KERAJAAN BINA 154 PPR DIMILIKI, DISEWA SEJAK 1982

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Sejak diperkenalkan pada 1982 sehingga kini, 154 Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki dan PPR Disewa telah dibangunkan, melibatkan 97,196 unit rumah, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Datuk Seri Ismail Abd Muttalib.

Beliau berkata sekiranya pengisian mencapai 100 peratus, program itu memberikan manfaat kepada 379,064 penduduk berdasarkan Laporan Survey Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

“PPR Dimiliki dijual dengan harga RM35,000 di Semenanjung Malaysia manakala RM42,000 bagi Sabah dan Sarawak, selain PPR Disewa pula menawarkan kadar sewa RM124 sebulan iaitu jauh lebih rendah daripada harga pasaran sewaan,” katanya.

Beliau menjawab soalan P. Prabakaran (PH-Batu) di Dewan Rakyat yang mahu kementerian menjelaskan walaupun dengan penjenamaan semula rumah kos rendah kepada rumah mampu milik, harga jualan RM200,000 hingga RM300,000 masih tidak mampu dimiliki golongan B40.

Ismail berkata selain PPR, kementerian itu menerusi Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) turut melaksanakan pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000, yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah untuk membina rumah sempurna dan selesa, dengan 47,714 unit RMR siap dibina setakat ini.

-- BERNAMA

AHLI PARLIMEN MOHON JADUAL SEMULA PEPERIKSAAN SPM

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Ahli Parlimen Tuaran Datuk Seri Wilfred Madius Tangau memohon Kementerian Pendidikan menjadual semula tarikh Ujian Mendengar Bahasa Malaysia dan Ujian Mendengar Bahasa Inggeris bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ditetapkan pada 19 Feb tahun depan.

Beliau berkata ini kerana tarikh peperiksaan yang ditetapkan pada Sabtu itu merupakan hari sembahyang bagi penganut Kristian Seventh Day Adventist (SDA).

“Bagi penganut Kristian SDA, pada setiap minggu bermula dari matahari terbenam pada Jumaat sehingga terbenam matahari pada Sabtu adalah haram bagi mereka melakukan sebarang kerja selain sembahyang dan aktiviti kebajikan,” katanya pada sidang media di Parlimen hari ini.

Menurutnya ribuan pelajar dan guru berkemungkinan tidak dapat hadir mengikuti ujian tersebut kerana menunaikan kepercayaan mereka dan menyebabkan pelajar gagal kedua-dua mata pelajaran itu dan SPM secara keseluruhan.

-- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2034361>